



Tel : 04-2615669
Fax/Tel : 04-2628664
E-mail : secretariat@penangbar.org
Website : www.penangbar.org

No. 4. Green Hall,
1st Floor,
10200 Penang,
Malaysia.

JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG PENANG BAR COMMITTEE

Criminal Law 2/21

15 Mar 2021

To Members of the Penang Bar,

E-Jamin

Further to our [Circular Criminal Law 7/20](#) dated 14 Aug 2020, we wish to advise Members to encourage the use of the E-Jamin online facility for posting bail for an accused person, which is now available at the Georgetown, Butterworth, Bukit Mertajam, Balik Pulau and Jawi Courts.

E-Jamin essentially allows bail posting to be made seamlessly and instantaneously via FPX online banking and bailors no longer need to go through the hassle of travelling between the court and the bank to open a surety account. Instead, they can post bail via their mobile device or desktop, and a process that used to take a lengthy 4 to 5 hours can now be accomplished within 30 minutes instead.

The E-Jamin runs on a simple and straightforward navigation interface to facilitate ease of use with the following steps to complete the bail process:

- Fill in required details of the bailor and the accused.
- Check and verify the bail amount and case number with the Court Officers/personnel.
- Next, submit payment via FPX online banking. Note that the bailor must use his or her own bank account to post bail.
- The bailor will receive a confirmation e-mail that payment has been received, which is to be shown to the Court Officer at the Court registry.
- The bail money will be refunded to the bailor's bank account via E-Jamin once the case is over.

For more information and relevant details on E-Jamin, kindly refer to <https://ejamin.my/> and <https://www.facebook.com/pg/ejamin.my/posts/>.

We further wish to bring to the attention of Members that the Chief Justice of the Federal Court of Malaysia, YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat has issued "*Arahan Ketua Hakim Negara Bil 7 Tahun 2021 Penyempurnaan Proses Jamin Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh*" dated 10 Mar 2021, pertaining to the execution of the bail process by remote communication technology which will take effect on 15 Mar 2021 and is hereby attached for Members' reference.

Members are therefore advised to take note of the above and be guided accordingly.

V Parthipan
Chairperson
Criminal Law Subcommittee



PKPMP.PKHN.600-3/3/1

10 Mac 2021

Hakim Mahkamah Sesyen
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi/Mahkamah Rendah Seluruh Malaysia

Pendaftar/Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah
Seluruh Malaysia

**ARAHAN KETUA HAKIM NEGARA
BILANGAN 7 TAHUN 2021
PENYEMPURNAAN PROSES JAMIN MELALUI TEKNOLOGI
KOMUNIKASI JARAK JAUH**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] dan seksyen 3A Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92] yang diubah suai melalui Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019

[Akta 829], saya mengeluarkan Arahan ini bagi menetapkan tatacara berhubung dengan penyempurnaan proses jamin melalui teknologi komunikasi jarak jauh seperti yang berikut:

PEMAKAIAN ARAHAN

2. Arahan ini terpakai bagi pengendalian proses jamin di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret di seluruh Malaysia yang melibatkan Orang Kena Tuduh (OKT) yang ditahan reman di dalam penjara kerana gagal menyempurnakan jamin pada hari OKT dituduh di Mahkamah.

TAFSIRAN

3. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret di seluruh Malaysia.

PENYEMPURNAAN PROSES JAMIN MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH

4. OKT yang dibenarkan untuk dijamin oleh Mahkamah boleh menyempurnakan proses jaminnyanya melalui teknologi komunikasi jarak jauh sebelum OKT tersebut dilepaskan daripada penjara.

5. Walau apa pun peruntukan undang-undang bertulis yang berkaitan berhubung dengan perkara ini dan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 3 Akta 829, kehadiran OKT ke Mahkamah secara fizikal bagi menyempurnakan proses jamin adalah dikecualikan.

6. Bagi maksud Arahan ini, penyempurnaan proses jamin melalui teknologi komunikasi jarak jauh adalah menggunakan platform sidang video.

TATACARA PENYEMPURNAAN PROSES JAMIN MELALUI PLATFORM SIDANG VIDEO

7. Tatacara penyempurnaan proses jamin melalui platform sidang video adalah sebagaimana dalam **Lampiran A**.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

8. Arahan ini mula berkuat kuasa pada **15 Mac 2021**.



TUN TENGGU MAIMUN BINTI TUAN MAT
Ketua Hakim Negara
Istana Kehakiman
Putrajaya

SALINAN KEPADA:

Edaran Dalaman

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rendah Sabah & Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pengarah
Mahkamah Negeri
Seluruh Malaysia

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Edaran Luaran

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
Putrajaya

Ketua Polis Negara
Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman, Kuala Lumpur

Peguam Besar Negeri Sarawak
Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak
Kuching, Sarawak

Peguam Besar Negeri Sabah
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah
Kota Kinabalu, Sabah

Ketua Pengarah
Jabatan Penjara Malaysia
Kajang, Selangor

Yang Dipertua
Majlis Peguam Malaysia
Kuala Lumpur

Presiden
Sabah Law Society
Sabah

Presiden
Advocate Association of Sarawak
Sarawak

**TATACARA PENYEMPURNAAN PROSES JAMIN MELALUI
PLATFORM SIDANG VIDEO**

1. Bagi membolehkan OKT yang ditahan reman dibebaskan pada hari yang sama proses jamin disempurnakan, Penjamin hendaklah hadir ke Mahkamah di mana perintah jamin diberikan sebelum jam 11.00 pagi dan mengemukakan butiran berkaitan OKT yang akan dijamin kepada pejabat pendaftaran Mahkamah.
2. Penjamin boleh memilih untuk menyempurnakan pembayaran atau menandatangani wang jaminan melalui sistem eJamin atau di bank. Penjamin akan dimaklumkan oleh Mahkamah untuk hadir ke lokasi dan pada masa yang ditetapkan untuk proses jamin dijalankan menerusi platform sidang video.
3. Pihak penjara perlu memastikan—
 - (a) OKT dikemukakan menerusi platform sidang video pada tarikh dan masa yang ditetapkan sebagaimana yang dimaklumkan oleh Mahkamah; dan
 - (b) OKT dibebaskan pada hari yang sama setelah proses jamin melalui platform sidang video disempurnakan.

4. Pihak-pihak yang terlibat hendaklah bersedia di lokasi yang telah ditetapkan sekurang-kurangnya lima belas minit (15) minit sebelum proses jamin dimulakan menerusi platform sidang video.
5. Apabila prosiding menerusi platform sidang video dimulakan, OKT hendaklah memperkenalkan diri sebagaimana butiran yang tertera dalam bon jamin.
6. OKT dan Penjamin hendaklah memahami syarat jamin yang dibaca dan diterangkan oleh Mahkamah dan seterusnya bersetuju untuk mematuhi syarat jamin yang telah ditetapkan.
7. OKT hendaklah menurunkan tandatangan pada bon jamin mengikut cara yang boleh dilihat oleh semua pihak dan OKT hendaklah menunjukkan tandatangannya kepada semua pihak pada skrin.
8. Proses jamin melalui platform sidang video akan ditamatkan setelah Mahkamah mengaku penerimaan (*acknowledge receipt*) bon jamin menerusi e-mel daripada pihak penjara.
9. Pihak penjara hendaklah mengemukakan bon jamin yang telah ditandatangani oleh OKT ke Mahkamah melalui e-mel dan Penjamin serta pihak Mahkamah akan menandatangani bon jamin tersebut.
10. Setelah proses menandatangani bon jamin dan dokumentasi bon jamin selesai, Penjamin dan pihak penjara akan menerima sesalinan bon jamin dan OKT akan dibebaskan.

11. Mahkamah boleh membatalkan proses penyempurnaan jamin melalui platform sidang video sekiranya berlakunya sebarang gangguan teknikal atau atas sebab-sebab tertentu dan Mahkamah boleh menetapkan tarikh lain bagi menjalankan proses penyempurnaan jamin tersebut.